

Pengguna mengeluh

Orang ramai minta sistem bayaran letak kereta guna syiling diganti

H/M 24/6/2011. 28

>>Oleh Rabi 'Atul 'Adawiyah
Ismail

rabiatul@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Sistem bayaran tempat letak kenderaan di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) didakwa tidak lagi praktikal digunakan di kawasan bandar kerana menyusahkan pengguna.

Ini kerana, sistem itu hanya menerima duit syiling dengan maksimum pembayaran RM2.40 untuk sekali masuk, iaitu sekitar dua jam saja dan pengguna terpaksa kembali ke kenderaan masing-masing untuk menambah nilai. Jika terlambat, penguat kuasa DBKL akan mengenakan saman RM100.

Tinjauan Harian Metro di beberapa kawasan sekitar pusat bandar raya dan Bangsar mendapati pengguna memberikan pelbagai reaksi me-

ngenai perkhidmatan itu dan meminta DBKL memikirkan kaedah lain untuk mengutip yuran tempat letak kenderaan di bawah kawasannya.

Pekerja swasta, Nur Azreen Zainal, 27, bersetuju sistem bayaran tempat letak kenderaan di sekitar Kuala Lumpur sangat tidak praktikal, ditambah dengan kesesakan lalu-lintas dan kawasan tempat letak kenderaan yang tidak cukup.

Katanya, dia memerlukan kira-kira RM9.60 wang syiling sehari untuk bayaran tempat letak kereta, yang mana sukar untuk mengumpul sebanyak itu setiap hari.

"Pejabat agak jauh dari mesin pembayaran dan kami terpaksa turun setiap dua jam untuk menambah nilai, apabila terlewat sedikit saman sudah dikeluarkan.

"Saya sudah mengumpul lebih daripada 30 saman sejak awal tahun dan jika di-

kira, jumlahnya hampir mencecah RM3,000," katanya ketika ditemui Harian Metro.

Pekerja am, Mohamad Azmi Ismail, 32, mencadangkan supaya penggunaan duit kertas bagi menggantikan duit syiling atau menggunakan sistem kupon yang boleh dibeli untuk harian, mingguan dan bulanan.

Katanya, sistem yang digunakan kini tidak produktif lagi dalam pengurusan bandar, pembaharuan perlu dilakukan bagi mengelakkan lebih banyak masalah timbul.

Sementara itu, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, pihaknya akan meminta Jabatan Pengangkutan Bandar menyediakan laporan serta mengkaji pendekatan yang lebih efektif mengutip yuran ba-



MENYUSAHKAN...pengguna terpaksa menyediakan duit syiling yang banyak.

ayaran letak kenderaan di bawah pentadbiran DBKL.

"Mungkin kaedah yang disediakan ini tidak lagi sesuai dan pembaharuan akan di-

buat sebaik saja kaedah baru yang lebih sesuai ditemui," katanya kepada Harian Metro menerusi laman sosial Facebook miliknya.